

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 71 )**

31 MAC 2015

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH : 31 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang sistem pengasingan fungsi klinik dan farmasi (*dispensing separation*) di klinik-klinik swasta. Apakah pendirian Kementerian pada waktu ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan, di mana akhir-akhir ini sedang hangat diperbincangkan dan diperdebatkan. Ingin saya menyatakan di sini dan juga dalam beberapa kenyataan akhbar yang dibuat, bahawa Rang Undang-Undang Farmasi yang dicadangkan kini masih berada di peringkat penggubalan dan pelbagai sesi perbincangan sedang dan akan diadakan antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pelbagai pihak berkepentingan. Oleh itu, tiada tempoh masa ditetapkan sehingga semua proses selesai dijalankan.

Untuk maklumat Tuan Di Pertua dan Ahli Dewan, beberapa perjumpaan telah dijadualkan bersama *stakeholders* yang berkepentingan, termasuk Pengamal Perubatan dalam Kementerian pada 24 Februari, Pengamal Perubatan Swasta pada 4 Mac dan kumpulan pergerakan pengguna yang berkaitan iaitu Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pada 9 Mac. Ia akan disusuli dengan sesi perjumpaan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain pada 16 Mac, Persatuan Farmasi pada 23 Mac dan dengan pihak Akademik pada 30 Mac.

Ingin saya maklumkan jua di sini bahawa kaedah pendispensen hanya adalah sebahagian daripada cadangan dalam Rang Undang-Undang Farmasi. Apa jua cadangan peruntukan yang akan dimuatkan dalam Rang Undang-Undang tersebut khususnya adalah untuk meningkatkan penjagaan pesakit agar penduduk menikmati kesihatan lebih terpelihara dengan mendapat akses dan penggunaan ubat-ubatan berkualiti, membendung kos sistem penjagaan kesihatan melalui pengurusan ubat-ubatan yang teratur dan sistem penjagaan kesihatan yang mapan melalui perkongsian dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam penjagaan kesihatan.

Pandangan pengguna umumnya implikasi kos dan bebanan kepada pengguna akan diberi pertimbangan yang serius agar ia tidak menyukarkan pihak pengguna dan rakyat jelata. Ini termasuklah mengambil kira faktor geografi dan distribusi perkhidmatan, **hak memilih kepada pengguna** dan sistem pemantauan harga ubat. Semua ini akan dipertimbangkan setelah mendapat input daripada semua pihak yang berkepentingan. **Kepentingan orang awam dan pengguna akan diberi**

**keutamaan** dan oleh itu input dari pihak pengguna melalui perjumpaan dengan pergerakan pengguna adalah sangat penting.

Perlu ditegaskan sekali lagi, RUU ini akan bersifat holistik dan memberi tumpuan untuk mengukuhkan sistem pembekalan dan pemberian ubat antara lain meningkatkan penalti, memerangi pemalsuan, meningkatkan kecekapan dan penyeragaman dan pematuhan terhadap standard bagi memastikan akses kepada ubat yang berkesan, selamat dan kos-efektif.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BT HJ WANG**  
**[ KOTA SAMARAHAN ]**  
**TARIKH : 31 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan pembinaan Hospital Daerah di Kota Samarahan dan Asajaya bagi menampung pertambahan penduduk dan jarak perjalanan ke Kuching.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum ada cadangan mewujudkan sebuah hospital daerah di Kota Samarahan dan Asajaya. Hospital di Bahagian Samarahan termasuklah Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak (PJHUS), Hospital Serian dan Hospital Simunjan.

Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak (PJHUS) terletak 15km atau 30-40 minit perjalanan dari Hospital Umum Sarawak. Hospital ini menawarkan perkhidmatan kecemasan dan trauma selain daripada rawatan jantung. Hospital Serian pula memakan masa lebih kurang 1 jam perjalanan dari Kota Samarahan. Daerah Samarahan mempunyai 2

Klinik Kesihatan dan 3 Klinik 1Malaysia. Oleh itu, Kerajaan sentiasa prihatin dengan perkhidmatan kesihatan di Kota Samarahan dan Asajaya dengan menambah perkhidmatan doktor dan ambulans. Malah dengan kemudahan jalan raya yang telah dinaiktaraf memudahkan akses perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat dan rujukan ke Hospital Umum Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN**

**[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Mansor Bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan saranan supaya penggubalan draf persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya dimulakan di Dewan Rakyat dan hanya dibawa kepada SPR setelah mendapat kelulusan Dewan.



**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya dijalankan berlandaskan kepada peruntukan undang-undang yang termaktub bawah Perlembagaan Persekutuan.

Fasal (2), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan menyatakan SPR hendaklah dari semasa ke semasa, sebagaimana yang difikirkannya perlu, mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan negeri-negeri kepada bahagian-bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkan perlu supaya peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas dipatuhi. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hendaklah dilaksanakan selepas cukup tempoh lat 8 tahun selepas siapnya urusan kajian semula persempadanan sebelum itu dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

Fasal (3A), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan bahawa SPR perlu menjalankan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya berikutan pindaan kepada Perkara 46 iaitu penambahan kerusi Dewan Rakyat atau pindaan kepada bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri. Urusan Kajian Semula Persempadanan yang dilaksanakan di bawah Fasal ini adalah tidak tertakluk kepada cukup tempoh lat 8 tahun

dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh kuatkuasa undang-undang tersebut.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya pindaan yang dinyatakan di dalam Fasal (3A), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan mula berkuatkuasa selepas tempoh 8 tahun, maka urusan Kajian Semula Persempadanan hendaklah dilaksanakan di bawah peruntukan Fasal (3B), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan di mana notis persempadanan yang dikeluarkan oleh SPR adalah dibawah Fasal (2), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, SPR hendaklah memulakan urusan Kajian Semula Persempadanan sebaik sahaja pindaan bilangan kerusi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri dikuatkuasakan dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula tersebut.

Pada masa ini, peruntukan Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan bahawa penggubalan draf persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya perlu dimulakan di Dewan Rakyat terlebih dahulu dan perlu mendapat kelulusan Dewan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO  
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 31.3.2015**

**SOALAN :**

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratus graduan dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan berapa peratus graduan dari Institut Swasta di Malaysia dalam tahun 2013 dan 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan graduan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi tahun 2014 masih di peringkat pemurnian data. Bagi tahun 2013, graduan di IPTA (termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti) serta IPTS direkodkan berjumlah seramai 273,893 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 65.49 peratus terdiri daripada graduan IPTA diikuti 34.51 peratus graduan IPTS.

RJM83